

Headline	Kadar gangguan elektrik di Sabah turun enam peratus		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	07 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	6	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 396
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,188



Kadar gangguan elektrik di Sabah turun enam peratus

KOTA KINABALU: Kadar gangguan tenaga elektrik di Sabah menurun enam peratus setakat November tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) Muhamad Nazril Pazil berkata sebanyak 23,747 aduan gangguan elektrik direkodkan berbanding 25,298 aduan dalam tempoh yang sama tahun lepas.

“Jumlah penurunan yang direkodkan sepanjang 11 bulan tahun ini berbanding 2012 sebanyak 1,551 aduan atau penurunan sebanyak enam peratus.”

“Penurunan jumlah tersebut jelas sekali menunjukkan impak positif peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan pusat bagi membantu SESB melaksanakan pelbagai projek infrastruktur elektrik di seluruh negeri Sabah dan Labuan,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Muhamad Nazril bagaimanapun berkata kedudukan kewangan SESB belum kukuh dan masih memerlukan dana dan bantuan kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Beliau berkata SESB berterima kasih terhadap kerajaan pusat kerana melu-

luskan peruntukan sebanyak RM265 juta, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa pembentangan Bajet 2014, bagi memperkuuh lagi sistem bekalan elektrik di Sabah dan Labuan.

Muhamad Nazril juga berkata semakan semula kadar tarif elektrik baru-baru ini diharap dapat merapatkan jurang yang kian meningkat antara kos pembekalan elektrik dan kadar tarif sedia ada.

Menurutnya sebelum semakan semula itu dibuat, SESB hanya dapat menampung 80 peratus kos operasinya sebulan.

Pada 2 Dis lepas, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr

Maximus Ongkili berkata tarif elektrik di Sabah dan Labuan akan dinaikkan kepada 34.52 sen/kWj (sekilowatt sejam) daripada 29.52 sen/kWj atau peningkatan lima sen atau 16.9 peratus berkuat kuasa 1 Jan, 2014.

Bagaimanapun, 62 peratus atau 260,000 pengguna daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Labuan, yang menggunakan elektrik pada kadar 300kWj dan ke bawah sebulan, tidak terlibat dalam kenaikan tarif berkenaan. - Bernama